

Headline	LOMBONG BITCOIN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	10
ArticleSize	342 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 40,263		



KAKITANGAN Tenaga Nasional Berhad (TNB) memotong penyambungan elektrik yang digunakan secara haram bagi menjalankan perlombongan bitcoin di sebuah premis perniagaan dekat Valdor Simpang Ampat.

## SAMBUNG ELEKTRIK SECARA HARAM

# LOMBONG BITCOIN

### Nibong Tebal

Sebuah rumah teres dua tingkat di Hijauan Hills dekat Valdor Simpang Ampat di sini, diserbu Suruhanjaya Tenaga (ST) kerana disyaki membuat penyambungan elektrik secara haram bagi menjalankan perlombongan bitcoin.

Pengarah Kawasan ST Pulau Pinang, Kedah dan Perlis Muhamad Azmi Is-hak berkata kegiatan yang menyebabkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerugian kira-kira RM22,000 sebulan itu dikesan hasil risikan sejak dua bulan lepas.

Beliau berkata sembilan buah mesin turut ditemu-

kan di dalam sebuah bilik di tingkat atas rumah yang dijadikan pusat pengoperasian.

“Sebelum ini biasanya operasi bitcoin ini dijalankan di premis-premis, tetapi kini sindiket telah menukar modus operandi ke rumah pula bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

“Mereka ini bijak kerana jika dilihat rumah ini seolah-olah seperti berpenghuni kerana ada kasut budak jadi bukan saja jiran, malah pekerja TNB yang datang baca meter pun tak perasan ia sebenarnya digunakan untuk operasi bitcoin.

“Tambahan, kita tak dengar bunyi bising mesin sebab bilik tersebut dibina

supaya kedap bunyi,” katanya kepada pemberita selepas operasi di sini, kelmarin.

Muhamad Azmi berkata tindakan sindiket membuat penyambungan itu membahayakan penduduk yang tinggal berhampiran kerana penggunaan tenaga elektrik yang tinggi boleh menyebabkan litar pintas dan kebakaran, apatah lagi mesin tersebut beroperasi 24 jam tanpa henti.

Sehubungan itu, beliau berharap penduduk terutama di kawasan taman perumahan membuat laporan sekiranya terlihat sebarang aktiviti mencurigakan bagi membolehkan siasatan dijalankan dan mencegah lebih ba-

nyak kes sedemikian berlaku.

Dalam pada itu, sebuah premis perniagaan yang terletak berhampiran kawasan perumahan tersebut turut diserbu dalam operasi bermula 10 pagi tadi membabitkan 20 kakitangan ST dan TNB.

Menurut Muhamad Azmi, kedua-dua sindiket itu dipercayai telah beroperasi sejak enam bulan lepas dan siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengesan suspek terlibat.

Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) kerana mengganggu, mencatitkan atau merosakkan pemasangan elektrik.